

Pengurusan Tabung Haji perlu disusun semula

SANA'A 15 Ogos - Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) perlu melakukan penyusunan semula pengurusannya bertujuan untuk memastikan pelaburannya sesuai dengan iklim pelaburan semasa dalam memastikan keuntungan yang maksimum.

Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman yang baru melepaskan jawatan Pengerusi Tabung Haji berkata, penekanan kepada soal pelaburan itu perlu kerana arah aliran simpanan dalam Tabung Haji sudah berubah, bukan lagi semata-mata untuk simpanan menunaikan haji tetapi sebagai satu pelaburan.

"Lagipun, jumlah yang disimpan terlalu banyak, yang membuat para penyimpannya mula bertanya soal kadar dividen," katanya kepada pemberita Malavsja di Hotel Taj Sheba di sini hari ini. Beliau yang merupakan Penasihat Agama kepada Perdana Menteri berada di sini kerana menyertai rombongan lawatan rasmi empat hari Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke republik ini.

Beliau ditanya apakah punca yang membawa kepada penyusunan semula pengurusan Tabung Haji dan apakah ia berpunca kerugian besar yang ditanggung oleh institusi itu.

Abdul Hamid menegaskan: "Tahun lepas (2000) bukan kerugian tetapi keuntungan berkurangan sebab keadaan ekonomi dan kejatuhan harga kelapa sawit (yang banyak diceburi)."

Utusan hari ini melaporkan bahawa pengurusan Tabung Haji akan disusun semula bagi mengelakkan agensi itu menerima kerugian besar sehingga terpaksa diselamatkan seperti yang dialami oleh MRCB, United Engineers (UEM) dan Penerbangan Malaysia (MAS).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Abdul Hamid Zainal ● Abidin berkata, beliau tidak menolak kemungkinan Tabung Haji akan menghadapi nasib yang sama jika ia tidak berhati-hati menguruskan wang pencarum.

Mengulas lanjut Abdul Hamid yang memegang jawatan pengerusi agensi itu selama enam bulan berkata, institusi yang mempunyai aset besar seperti Tabung Haji perlu membuat perubahan mengikut keadaan semasa ekonomi.

- Utusan.